

"Saya menyokong hukuman bukan saja dikenakan ke atas pelajar tetapi kepada peniaga juga kerana mereka 'punca utama' pelajar mengambil jalan mudah menjual baucar

Dr Mohammad Shatar Sabran

07-04-2016

setempat

25

HARIAN METRO

SUSULAN SISWA TUNAIKAN BAUCAR BBIM

Hakis buruk laku

Suraya Roslan, Muhammad Saufi Hassan, Nadzreen Shah Md Salim dan Fatin Farhana Japre
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Rata-rata pengurusan Universiti Awan (UA) menyokong tindakan tatatertib dikenakan terhadap pelajar yang menyalahgunakan Baucar Buku Malaysia (BBIM) untuk mendapatkan wang tunai.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNC HEPA) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran menyokong tindakan itu dikenakan bagi memberi pengajaran kepada pelajar mengenai salah laku penggunaan BBIM.

"Pemberian baucar buku sepatutnya digunakan pelajar untuk membeli bahan bacaan dan berkaitan dengan pembelajaran bukan disalahgunakan dengan menjual BBIM kepada 'orang tengah' untuk mendapatkan wang tunai segera.

"Pelajar harus sedar matlamat asal kerajaan memberi BBIM bagi membantu pelajar yang tidak mempunyai sumber kewangan yang cukup untuk membeli buku ilmiah," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, segelintir pelajar yang menukar baucar

■ Pengurusan UA sokong tindakan tatatertib terhadap pelajar salah guna baucar BBIM

bagi mendapatkan wang tunai secara tidak langsung mencerminkan sikap buruk dan tidak beretika dalam kalangan mahasiswa sekarang.

"Bagi membanteras kegiatan penyalahgunaan baucar ini, UPM akan mengawal rapi lokasi pemberian BBIM supaya tiada 'orang luar' yang mengambil kesempatan untuk melakukan transaksi berkenaan.

"Walaupun pengawalan rapi sudah dilaksanakan tetapi pelajar lebih bijak dengan melakukan proses penukaran baucar di luar kampus," katanya.

Katanya, pihak universiti turut berharap peniaga di luar sana juga harus bertanggungjawab tidak menerima sebarang baucar daripada mahasiswa untuk pertukaran wang tunai.

"Selain itu, saya menyokong hukuman bukan saja dikenakan ke atas pelajar tetapi kepada peniaga juga kerana mereka 'punca utama' pelajar mengambil jalan mudah menjual baucar berkenaan meskipun pelajar tahu mereka tertakluk di bawah akta universiti dan kolej di mana mereka tidak dibenarkan melanggar undang-undang

dan akan dikenakan tindakan tatatertib," katanya.

Pendapat sama turut dikongsi TNC HEPA Universiti Malaya (UM) Prof Datuk Dr Rohana Yusof yang berharap pelajar universiti itu lebih matang dan integriti dalam penggunaan baucar buku itu.

"Setakat hari ini saya tidak ada mendengar pelajar UM yang menjualnya dan berharap perkara ini tidak terjadi.

"Bagaimanapun, sekiranya pihak universiti mendapati wujud salah laku penggunaan BBIM, kami boleh mengambil tindakan tatatertib dan jika didapati bersalah berkemungkinan digantung satu semester atau diberi amaran," katanya.

Bagi TNC HEPA Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Datin

Noor Aziah Mohd Awal berkata, pendekatan UKM memanggil pekedai atau syarikat buku mengadakan penjualan buku pada hari pengedaran baucar bagi mengelak penyalahgunaan berkenaan diharap berkesan bagi mengekang masalah itu.

"Tetapi jika didapati ada yang menjualnya untuk mendapat wang segera, pihak universiti boleh membawa pelajar terbabit ke jawatankuasa tatatertib mengikut peruntukan universiti jika ada bukti yang jelas," katanya.

"Pelajar harus sedar matlamat asal kerajaan memberi BBIM bagi membantu pelajar"
Dr Mohammad Shatar Sabran

